

Laksana projek kerjasama

Asean perlu lebih berani: PM

Oleh HAFIFI HAFIDZ

KUALA LUMPUR, Isnin — Asean seolah-olah tidak mempunyai keberanian di segi politik untuk menjadi daya penggerak melaksanakan projek kerjasama yang akan menguntungkan mereka pada jangka panjang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sudah hampir empat tahun selepas Sidang Kemuncak Asean yang lalu diadakan dengan pelbagai cadangan dibuat untuk menggalakkan kerjasama ekonomi Asean.

"Bagaimanapun kerana pelbagai sebab, Asean masih gagal mengatasi pelbagai halangan yang wujud dalam kerjasama. Kita seolah-olah tidak mempunyai keberanian politik untuk menjadi daya penggerak melaksanakan projek kerjasama bagi kebaikan jangka panjang," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi Asean ke-23 (AEM), di sini, hari ini.

Perbincangan AEM kali ini tertumpu kepada cadangan perjanjian Kerjasama Ekonomi Asean (ATEC), Peraturan Perdagangan Keutamaan Samarata Antara Asean atau ACEPT oleh Indonesia, penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) Thailand dan Konsep Segitiga Pertumbuhan (GT) oleh Singapura, EAEG, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan Inisiatif Asean-Amerika (AUI).

Perdana Menteri berkata, jika Asean mahu menjadi sebuah kuasa ekonomi dan politik yang disegani oleh negara

lain pada abad ke-21, semua pihak perlu membuat keputusan ke arah itu mulai sekarang.

Katanya, ketika Asean berusaha dengan pelbagai program ekonomi dan kerjasama perdagangan, semua pihak tidak sepatutnya mengabaikan fungsi Sekretariat dan Asean sebagai pertubuhan.

Katanya, sesebuah pertubuhan hanya boleh berfungsi dengan cekap dan berkesan jika mendapat sokongan padu daripada sekretariatnya dan sehubungan itu Perdana Menteri mengesyorkan Sekretariat Asean dirombak bersama-sama jawatankuasa lain untuk memastikan keputusan serta pelaksanaan dibuat dengan cepat.

Beliau berkata, perkara itu perlu diberikan perhatian kerana kegiatan ekonomi adalah teras utama dalam Asean.

Beliau menggesa institusi penyelidikan Asean supaya menyelaraskan usaha mereka dan berkongsi maklumat dalam bidang saintifik dan sosial supaya pelbagai usaha boleh dilakukan.

Beliau juga mengingatkan negara anggota supaya tidak membelanjakan wang yang banyak setiap tahun bagi mendapatkan khidmat perunding asing menjalankan kajian kerana kepakaran itu boleh diperolehi di rantau ini pada kos murah.

"Walaupun agak keberatan bagi sesebuah negara berkongsi kepakaran seperti dalam bidang komoditi, kerana kesan tertentu terhadap ekonomi mereka, semua pihak tidak boleh secara langsung menyetepikan kemungkinan mengadakan kerjasama," katanya.

Sebagai contoh katanya, minyak sawit dan minyak kelapa menjadi mangsa kepada kempen buruk beberapa kumpulan asing dan melalui kerjasama di kalangan institusi dan agensi semua negara terbabit, kempen berkenaan boleh dihentikan.